

Tanah Melayu merdeka selepas

446 tahun

BH- 1/7/2007

KEDUDUKAN British di Tanah Melayu mula tergugat apabila angkatan perang Jepun mula mendarat di Kota Bharu, Kelantan dan Alor Star, Kedah pada 8 Disember 1941. Sebaik mendarat, Jepun memulakan serangan bagi mengusir British dan menjajah Tanah Melayu.

Tentera Jepun menenggelamkan dua kapal perang British, *Repulse* dan *Prince of Wales* di perairan Kuantan dan serangan demi serangan menyebabkan British tidak dapat bertahan dan terpaksa berundur kembali ke India.

Selama kira-kira empat tahun, Tanah Melayu dijajah Jepun sehingga menyerah kalah pada 15 Ogos 1945. Pengunduran Jepun menyebabkan British kembali ke Tanah Melayu pada September tahun sama.

Ketika tempoh penjajahan Jepun di Tanah Melayu, Kerajaan British di England merancang menggabungkan semua negeri di Tanah Melayu di bawah satu kerajaan yang digelar 'Malayan Union'.

Sir Harold Mac Michael kemudian diutus mengetuai perwakilan British ke Tanah Melayu untuk memperoleh tanda tangan Sultan semua negeri Melayu bagi membentuk perjanjian baru yang akan mewujudkan Malayan Union.

Mac Michael memaksakan Sultan menerima cadangan British dan Sultan yang enggan menandatangani perjanjian diugut akan diganti atas tuduhan bersubahat dengan Jepun ketika Perang Dunia Kedua.

British kemudian mendedahkan rancangan penubuhan Malayan Union pada Januari 1946. Bagaimanapun, cadangan penubuhan Malayan Union ditentang penduduk yang percaya bahawa rancangan itu hanya menukarkan taraf negeri Melayu daripada sebuah negeri naungan British kepada negeri jajahan British.



Tentangan tidak saja diberikan orang Melayu, tetapi juga Cina, India dan sege-lintir pesara British yang pernah bertugas di Tanah Melayu. Tentangan hebat dan pemulauan terhadap sistem itu akhirnya menyebabkan Malayan Union yang ditubuhkan pada 1 April 1946, dimansuhkan.

Pemansuhan Malayan Union menyebabkan British terpaksa melantik satu jawatankuasa bagi menggubal satu perlembagaan baru di Tanah Melayu dan pada 1 Februari 1948, 'Persekutuan Tanah Melayu' diisytihar.

Sejak itu, bermulalah usaha untuk memerdekakan Tanah Melayu. Pada Januari 1956, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj mengetuai 'Rombongan Kemerdekaan' ke London untuk berunding dengan Kerajaan British mengenai kemerdekaan Tanah Melayu.

Hasil rundingan itu, Perjanjian London 1956 ditandatangani dan British berjanji memberi kemerdekaan kepada Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957.

Seterusnya pada hari dijanjikan, bendera British diturun di Kuala Lumpur dan Tunku Abdul Rahman mengetuai orang ramai melaungkan, 'Merdeka!' berulang kali. Detik bersejarah itu sekali gus menandakan yang selepas 446 tahun dijajah, hari itu, buat pertama kalinya tanah air kita bebas daripada penjajahan bangsa asing.